

Headline	GLC ready to hlep R&D commercial (GLC sedia bantu komer...		
Date	31. Mar 2007	Language	MALAY
Media Title	Berita Harian	Page No	1
Section	Nasional	Article Size	296 cm2
Circulation	217991	Frequency	Daily
Readership	762968	Color	Full Color



GLC sedia bantu komersial R&D

KUALA LUMPUR: Institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan mahu kerajaan menubuhkan pusat sehenti yang berfungsi sebagai saluran menyebarkan maklumat hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) mereka yang berpotensi dikomersialkan sektor swasta.

Cadangan itu dibuat dalam mesyuarat khas antara wakil IPT de-

dustri mengaku memang IPT sudah berusaha mengetengahkan hasil R&D tetapi mereka mahu ia ditingkat serta dipermudahkan," katanya ketika dihubungi *Berita Harian*, selepas pertemuan itu di sini, semalam.

Ahmad Fauzi berkata, 20 wakil GLC hadir dalam mesyuarat itu termasuk dari Proton Holdings Bhd, Sime Darby Bhd, TNB Research Sdn

LIHAT MUKA 2

Syor industri beri dana kepada IPT bangun R&D

DARI MUKA 1

ngan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di sini semalam, bagi mencari jalan meningkatkan kerjasama swasta mengkomersialkan hasil R&D universiti tempatan.

Pengerusi bersama mesyuarat, Profesor Dr Ahmad Fauzi Ismail, berkata cadangan penubuhan pusat sehenti dibuat bagi membolehkan industri sentiasa mengetahui mengenai hasil R&D terbaru universiti tempatan yang boleh dikomersialkan.

"Dalam mesyuarat itu, wakil in-



Headline
Date
Media Title

GLC ready to hlep R&D commercial (GLC sedia bantu komersial R&D)
31. Mar 2007
Berita Harian

Bhd, Telekom Malaysia Bhd, Mimos Bhd, Petronas, Penerbangan Malaysia (MAS), Indah Water Konsortium Bhd (IWK) dan Malaysian Technology Development Corp (MTDC).

Mesyuarat tiga jam di kampus Universiti Teknologi Malaysia (UTM) itu dibuat hasil inisiatif Kementerian Pengajian Tinggi, susulan pendedahan akhbar ini Selasa lalu bahawa kurang tiga peratus hasil R&D enam universiti tempatan yang memenangi pelbagai anugerah sejak 2000 dikomersialkan.

Laporan itu antara lain menyebut sesetengah hasil R&D yang diilhamkan anak tempatan terbiar kerana tidak mendapat sokongan industri bagi dikomersialkan, sedangkan kerajaan menyediakan peruntukan besar untuknya.

Turut hadir pegawai agensi yang mewakili sektor swasta termasuk Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (Might), manakala IPT diwakili enam pensyarah yang berpengalaman dalam bidang R&D.

Beliau berkata, mesyuarat juga mencadangkan setiap IPT melantik pegawai khas pemasaran di kalangan mereka yang pakar untuk membantu mengetengahkan hasil R&D yang berdaya maju dikomersialkan swasta.

"Mesyuarat mencadangkan pegawai ini bukan daripada kalangan pensyarah bagi memastikan mereka benar-benar memberi tumpuan kepada usaha mengkomersialkan hasil R&D dan tidak dibebani tugas lain," katanya.

Ahmad Fauzi berkata, mesyuarat juga mencadangkan supaya pihak industri memberikan dana kepada IPT untuk menaja pembinaan makmal tertentu bagi kegunaan penyelidikan, sekali gus menggalakkan R&D yang mampu dikomersialkan.

Rumusan mesyuarat semalam akan dimaklumkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi minggu depan sebelum satu pengumuman rasmi mengenai kaedah meningkatkan kerjasama swasta membantu mengkomersialkan hasil R&D, dibuat.

Sementara itu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed berkata, pihaknya akan mendesak GLC untuk lebih giat membantu mengkomersialkan hasil R&D yang dihasilkan IPT.

Katanya, pelbagai langkah sedang diambil kementerian itu termasuk mengadakan pertemuan lebih kerap dengan GLC bagi memaklumkan kejayaan pelbagai produk yang dihasilkan setakat ini.

"Selama ini, syarikat GLC hanya menyumbang dalam jumlah yang kecil dan kita mahu mereka melabur lebih banyak untuk mengkomersialkan hasil R&D tempatan," katanya selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Universiti Malaya (UM) dan The Institute Of Chartered Accountants In England And Wales (ICAEW), semalam.

Mustapa berkata, kementerian-nya sedar masalah yang dihadapi pihak IPT dalam mengetengahkan hasil R&D mereka dan akan meneliti kaedah menggalakkan swasta khususnya GLC membantu mereka.